

PENGAJARAN DARIPADA  
**AL-KAFIRUN**

الكافرون

USTAZ MUSTAZAH BAHARI

## **Pengenalan**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

## **Metodologi**

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

# Surah al-Kafirun

## **Pengenalan**

Surah Makkiyah, mengandungi 6 ayat.

## **Latarbelakang Surah**

Diturunkan sempena tawaran pembesar Quraisy kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk menyembah Allah dan tuhan mereka secara bergilir, masing-masing selama setahun. (Riwayat Ibn Abi Hatim & al-Tabari di dalam kitab tafsir mereka)

## **Kelebihan Surah al-Kafirun**

1. Sesiapa yang membaca surah al-Kafirun, dia seperti membaca seperempat al-Quran. (H.R. al-Turmuzi)
2. Dari Farwah bin Naufal, beliau berkata kepada Rasulullah s.a.w, “Perintahkan suatu bacaan kepadaku (untuk diamalkan).” Lalu Rasulullah s.a.w bersabda, “Apabila kamu mendatangi tempat tidurmu, bacalah Qul ya Ayyuhal Kafirun hingga akhirnya kerana sesungguhnya ia pelepas dari syirik.” (H.R. Abu Daud)
3. Rasulullah s.a.w membacanya pada solat sunat subuh, witr, sunat ba’diyah maghrib dan sunat tawaf. (H.R. Muslim & al-Turmuzi)

## **Matlamat Surah al-Kafirun**

1. Mengukuhkan iman terhadap Allah yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya. Hanya Allah sahaja layak disembah, berpandukan kalimah tauhid La ilaha illa Allah.
2. Tidak boleh bertolak ansur dalam urusan peribadatan kerana tiada apa yang layak disembah melainkan Allah s.w.t.

**Firman Allah:**

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ (١)

***Katakanlah (Wahai Muhammad s.a.w), "Wahai orang-orang kafir (kaum musyrikin, munafiqin dan kafir di zaman Nabi s.a.w)***

**Tadabbur Ayat**

Sebagai respon bagi tawaran yang tidak menguntungkan, jawapan tegas dan langsung diperlukan. Dalam keadaan sedemikian, berlemah lembut bukanlah satu pendekatan yang sesuai dan wajar.

لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ (٢)

***Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.***

**Tadabbur Ayat:**

Prinsip yang tegas dari seorang mukmin. Tidak mungkin iman di dada membolehkan seorang mukmin membuka ruang di hatinya untuk menyembah selain Allah s.w.t.

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ (٣)

***Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah.***

**Tadabbur Ayat**

Bagi golongan yang tetap tidak mahu menyembah Tuhan Yang Maha Esa pula, tidak akan menyembah apa yang disembah oleh orang beriman kerana itulah sikap mereka sendiri.

وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ (٤)

***Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah.***

**Tadabbur Ayat**

Pengukuhan prinsip seorang mukmin yang tidak akan sesekali berubah walau ditawarkan dengan segala kemewahan dunia kerana iman telah sehati di dalam hatinya.

وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ (٥)

***Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah.***

**Tadabbur Ayat**

Kerana sikap ingkar yang telah membelenggu hati, tidak mungkin golongan yang kufur akan tunduk akur kepada perintah untuk menyembah Tuhan Yang Esa.

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينِي (٦)

***Untuk kamu agama kamu, dan untukku agamaku.”***

**Tadabbur Ayat**

Demi untuk menjaga keharmonian hidup bersama di dunia, masing-masing lakukan menurut apa yang dipercayainya. Hubungan baik sesama manusia perlu dijaga, Manusia tidak disuruh untuk menilai dan menghukum sesama mereka. Nasib dan kesudahan manusia di akhirat kelak diserahkan kepada Allah s.w.t untuk menentukannya kerana Dia Maha mengetahui lagi Maha Adil.

## **Kesimpulan**

Iman yang kental dalam jiwa manusia tidak mungkin akan berubah dalam keadaan apa sekalipun. Jika mantap iman di dada, seorang manusia tidak akan sama sekali bertolak ansur dalam soal keyakinan dan kepercayaannya. Surah ini menunjukkan kelemahan jiwa yang ada pada golongan yang menolak hakikat kebenaran. Jika mereka benar percaya bahawa apa yang mereka sembah adalah suatu kebenaran, sudah tentu mereka tidak akan memberi tawaran sedemikian rupa demi untuk mempertahankan keyakinan mereka. Tindakan mereka itu dengan sendirinya membuktikan kelemahan dan keaiban diri mereka. Seorang mukmin yang sejati akan terus menjaga tauhidnya kepada Allah dan tidak mudah goyah dengan sebarang tekanan yang dihadapi dalam hidupnya.

## **Aplikasi Surah**

- ❖ Jangan sesekali jadikan urusan akidah dan keimanan sebagai bahan jenaka dan permainan.
- ❖ Kukuhkan iman kepada Allah dengan terus mentaati segala perintah-Nya.
- ❖ Elakkan dari menghina agama lain dan penganutnya.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

# ***Terima Kasih***

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI  
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,  
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH  
KERANA  
MENYUMBANG  
KEPADA PROJEK  
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

**DARUL TAFSIR AL-KHAIR**